

Parkir tepi jalan **ganggu trafik**

Tindakan pelajar letak kenderaan sesuka hati bahayakan pengguna jalan raya lain

PAGOH - Deretan kenderaan yang diletakkan di bahu jalan utama berhadapan sebuah kampus di Bandar Universiti di sini, memberi kebimbangan kepada pengguna jalan raya dan sebahagian penduduk di sekitar kawasan berkenaan.

Dakwa mereka, lambakan kereta dan motosikal yang diletakkan di situ menyebabkan ruang jalan utama yang digunakan pemandu dari Panchor ke Pagoh menjadi sempit sekali gus membahayakan keselamatan.

Seorang wakil penduduk, Roslan Siman, 49, berkata, dia bim-

bang sekiranya keadaan itu dibiarkan berlarutan boleh mengakibatkan kemalangan.

"Laluan ini adalah jalan utama, bukan sahaja digunakan kenderaan kecil tapi lori tanah dan kenderaan berat lain kerana terdapat beberapa projek pembangunan sedang dijalankan.

"Tindakan meletakkan kenderaan sesuka hati membahayakan nyawa pengguna jalan raya dan juga penjalan kaki," katanya kepada *Sinar Harian*.

Roslan berkata, pernah beberapa kali hampir berlaku kemalangan kerana kenderaan yang melalui jalan di situ dipandu laju.

"Ada kalanya sikap pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan menyumbang kepada risiko kemalangan. Jadi bagi mengelakkan



Deretan kereta yang diletakkan di tepi jalan di hadapan sebuah IPT di Bandar Universiti, Pagoh.

ia berlaku, pelajar seharusnya lebih berhati-hati dan tidak meletakkan kenderaan sesuka hati di bahu jalan," katanya.

Sementara itu, wakil universiti berkenaan berkata, isu terbabit sudah dibawa ke peringkat atasan dan pihak mereka telah mengeluarkan

larangan meletakkan kenderaan di situ, bagaimanapun ada sebahagian pelajar masih ingkar.

"Kami juga menjalinkan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengeluarkan saman kepada pelajar yang meletakkan kenderaan di luar, namun itu juga masih tidak berkesan.

"Oleh demikian, kami memohon pihak Majlis Perbandaran Muar (MPM) untuk mengambil alternatif lain seperti menutup jalan kepada kenderaan berat," katanya.

Yang Dipertua MPM, Jamaludin A Hamid ketika menjawab aduan terbabit pada sesi dialog Program

Mesra Pelabur Siri 3/2017 dan sesi santai bersama MPM di Bandar Universiti Pagoh memakumkan pihaknya masih tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap cadangan itu.

"Ini kerana jalan utama terbabit adalah milik Syarikat Sime Darby dan kita masih belum melakukan serahan rasmi antara dua pihak. Buat masa ini, cadangan menutup jalan kepada kenderaan besar adalah tidak boleh kerana ia menyukarkan keadaan.

"Bagaimanapun, kita akan ambil langkah bagi jangka pendek untuk atasi masalah ini," katanya.

Ada kalanya sikap pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan menyumbang kepada risiko kemalangan. Jadi bagi mengelakkan ia berlaku, pelajar seharusnya lebih berhati-hati dan tidak meletakkan kenderaan sesuka hati di bahu jalan. - Roslan

